

Konsep *Tafwid* Ulama Salaf dalam Berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* Menurut Asha'irah dan Ibn Taymiyyah: Satu Perbandingan

BITARA

Volume 6, Issue 2, 2023: 104-123
© The Author(s) 2023
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 10 March 2023
Accepted: 15 April 2023
Published: 16 Mei 2023

[The Concept of *Tafwid* Salaf Scholars in Interaction with *Sifat Khabariyyah* According to Asha'irah and Ibn Taymiyyah: A Comparison]

Mohd Saiba Yaacob¹ & Syed Hadzrullathfi Syed Omar¹

¹ Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: mohdsaiba69@gmail.com; sylutfi@unisza.edu.my

*Corresponding Author: sylutfi@unisza.edu.my

Abstrak

Dalam menentukan konsep *tafwid* yang diterima pakai oleh ulama Salaf dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*, Ibn Taymiyyah (661-728 H) telah berbeza pendapat dengan ulama Asha'irah. Para ulama Asha'irah sejak abad keempat hijrah lagi telah bersepakat mengatakan bahawa konsep *tafwid* yang diterima pakai oleh ulama Salaf adalah berpaksikan kepada *Tafwid al-Ma'na*. Manakala Ibn Taymiyyah pula menegaskan bahawa konsep *tafwid* ulama Salaf yang sebenar adalah bertunjangkan kepada *Tafwid al-Kayfiyyah*. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan antara konsep *Tafwid al-Ma'na* dan konsep *Tafwid al-Kayfiyyah*, mengenal pasti hujah-hujah yang dikemukakan oleh ulama Asha'irah berbanding hujah-hujah Ibn Taymiyyah, dan menilai kekuatan hujah Ibn Taymiyyah berbanding hujah ulama Asha'irah. Penulisan artikel ini mengaplikasikan metodologi kualitatif melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa dalam mengistimbatkan konsep *tafwid* yang berbeza, ulama Asha'irah telah mengemukakan tiga hujah manakala dan Ibn Taymiyyah pula turut mengemukakan tiga hujah lain yang bersifat kontradik. Hasil daripada perbandingan antara hujah-hujah yang tidak dapat dikompromikan itu, penyelidik menyimpulkan bahawa pendapat Asha'irah adalah sangat menepati penjelasan para imam empat mazhab dan Ahl al-Hadith mutaqaddimin manakala pendapat Ibn Taymiyyah pula bukan sahaja bercanggah dengan penjelasan para ulama Salaf pada abad kedua hijrah bahkan turut bercanggah dengan penjelasan ulama aliran ithbat yang sangat masyhur iaitu Abu Ya'la al-Hanbali (w. 458 H).

Kata kunci: *Sifat Khabariyyah*, *Tafwid al-Ma'na*, *Tafwid al-Kayfiyyah*, imam empat mazhab, Ahl al-Hadith mutaqaddimin.

Abstract

In determining the concept of *tafwid* adopted by the Salaf scholars in interacting with *Sifat Khabariyyah*, Ibn Taymiyyah (661-728 H) had a different opinion from the Asha'irah scholars. The Asha'irah scholars since the fourth century of Hijrah have agreed that the concept of *tafwid* adopted by Salaf scholars is centred on *Tafwid al-Ma'na*. In comparison, Ibn Taymiyyah asserted that the idea of the *tafwid* of Salaf scholars is based on *Tafwid al-Kayfiyyah*. The objective of this study is to compare the concept of *Tafwid al-Ma'na* and the concept of *Tafwid al-Kayfiyyah*, identify the argument presented by Asha'irah scholars compared to the statements of Ibn Taymiyyah, and evaluate the strength of Ibn Taymiyyah's ideas compared to the views of Asha'irah. The writing of this article applies qualitative methodology through literature review and document analysis. The study results found that in establishing different concept of *tafwid*, Asha'irah scholars have put forward three arguments. At the same time, Ibn Taymiyyah has also put forward three contradictory

opinions. As a result of the comparison between the irreconcilable arguments, the researcher concluded that Asha'irah's opinion is very much in line with the explanation of the imams of four sects and Ahl al-Hadith mutaqqaddimin while Ibn Taymiyyah's opinion is not only contradictory to the explanation of the Salaf mutaqqaddimin scholars in the century both migrations even contradicted the explanation of the Hanabilah's scholars before Ibn Taymiyyah.

Keywords: Sifat Khabariyyah, Tafwid al-Ma'na, Tafwid al-Kayfiyyah, priest of four sects, Ahl al-Hadith mutaqqaddimin.

Cite This Article:

Mohd Saiba Yaacob & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2023). Konsep Tafwid Ulama Salaf dalam Berinteraksi dengan Sifat Khabariyyah Menurut Asha'irah dan Ibn Taymiyyah: Satu Perbandingan [The Concept of Tafwid Salaf Scholars in Interaction with Sifat Khabariyyah According to Asha'irah and Ibn Taymiyyah: A Comparison]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 6(2): 104-123.

Pengenalan

Perbincangan mengenai *Sifat Khabariyyah* mempunyai kaitan rapat dengan rukun iman pertama iaitu beriman kepada Allah s.w.t. Justeru, kajian berkenaan manhaj *Salaf* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* adalah sangat penting kerana ia merupakan tulang belakang kepada akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (*Ahl al-Sunnah*). Sehubungan dengan itu, para ulama generasi *Khalaf* telah bersepakat mengatakan bahawa manhaj *Salaf* adalah berpaksikan kepada *tafwid*. Mereka bagaimanapun telah berbeza pendapat dalam menentukan konsep *tafwid* yang menjadi pegangan ulama *Salaf*.

Menurut ulama Asha'irah, manhaj *Salaf* adalah berpaksikan kepada *Tafwid al-Ma'na* (al-Baqillani, 1987; al-Bayhaqi, 1999; al-Juwayni, 2009; Ibn al-'Arabi, 1990; al-Razi, 2011; Ibn Jama'ah,). Permasalahan yang timbul ialah pelbagai huraian yang dikemukakan oleh ulama Asha'irah telah ditolak secara mutlak oleh Ibn Taymiyyah. Ini kerana Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa *tafwid al-kayfiyyah* iaitu mengithbatkan pengertian hakiki *Sifat Khabariyyah* sambil menyerahkan *kayfiyyat* (rupa, bentuk dan cara) merupakan satu-satunya manhaj *Salaf* yang sebenar manakala penerimaan terhadap manhaj *tafwid al-ma'na* iaitu menyerahkan pengertian hakiki *Sifat Khabariyyah* kepada Allah s.w.t dan kepada Rasulullah s.a.w adalah dianggap sebagai tindakan *menta'tilkan* (menafikan) sifat-sifat Allah s.w.t (Ibn Taymiyyah, t.t; 1993; 1999; 2000; 2006; 2021) padahal pengertian hakiki *Sifat Khabariyyah* sepatutnya *diithbatkan* menurut pengertiannya yang zahir tanpa menentukan sebarang *kayfiyyat* (al-Hakami, 2017; 'Uthaymin, 2012: 39; Harras, 2021).

Sekalipun pendapat Ibn Taymiyyah pada awalnya hanya disokong oleh Ibn al-Qayyim (1408H; 2004) dan Ibn Abi al-'Izz (2014) sahaja, namun bermula selepas pertengahan kedua abad kedua belas hijrah, ia telah diperjuangkan oleh Muhammad bin 'Abd al-Wahhab (2013: 585) dan para pengikutnya. Sehingga ke hari ini, terdapat puluhan buah karya-karya baharu yang menjelaskan bahawa manhaj *tafwid al-kayfiyyah* yang diperjuangkan oleh Ibn Taymiyyah merupakan manhaj *Ahl al-Sunnah* yang sebenar manakala manhaj *tafwid al-ma'na* yang diperjuangkan oleh ulama Asha'irah pula dikategorikan sebagai manhaj *Ahl al-Bid'ah* (al-Hakami, 2017; Harras, 2021; 'Uthaymin, 2012; al-Barrak, 2006; al-Raqb, 2021; al-'Utaybi, 2020; al-Nuri, 2015; Ismail Omar, 2013; 2017).

Merujuk kepada kajian yang dilakukan oleh Ahmad Nazri bin Zainol (2010), Muhammad Nasron bin Yaacob (2014), Rishwan Abu Zayd Mahmud (2021) dan Dr. Sayf bin 'Ali al-'Asri (2022) contohnya, penyelidik mendapati bahawa kajian untuk mengenal pasti status kesahihan dan kekuatan hujah-hujah yang dikemukakan oleh ulama Asha'irah berbanding hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah masih belum diterokai secara spesifik.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Pertama, untuk menjelaskan konsep dan prinsip *tafwid al-ma'na* yang diperjuangkan oleh ulama Asha'irah berbanding konsep dan prinsip *tafwid al-kayfiyyah* yang diperjuangkan oleh Ibn Taymiyyah. Kedua, untuk membandingkan antara hujah-hujah ulama Asha'irah dan hujah-hujah yang diterima pakai oleh Ibn Taymiyyah dalam mengistinbatkan dua konsep *tafwid* yang berbeza. Ketiga, untuk membandingkan status kesahihan hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua belah pihak dengan merujuk kepada *athar* dan penjelasan imam empat mazhab dan *Ahl al-Hadith* pada abad kedua hijrah.

Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif berasaskan kaedah analisis dokumen yang terdiri daripada kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan merujuk secara langsung kepada sebilangan dari karya-karya ulama Asha'irah dan karya-karya Ibn Taymiyyah serta sebilangan karya yang dihasilkan oleh para pendokong setiap aliran.

Manakala kaedah penganalisan data pula merangkumi kaedah induktif, kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Kaedah induktif digunakan dalam menganalisis data-data yang khusus dan terperinci yang diperolehi daripada karya-karya ulama Asha'irah dan daripada karya-karya Ibn Taymiyyah bagi menjelaskan konsep dan ciri-ciri umum berkaitan dua bentuk *tafwid* yang berbeza. Kaedah deduktif pula digunakan dalam memperincikan konsep *tafwid al-kayfiyyah* dengan merujuk kepada prinsip umum yang dihuraikan oleh Ibn Taymiyyah iaitu menerima pakai pengertian hakiki *Sifat Khabariyyah* tanpa *tahrif*, tanpa *ta'til*, tanpa *takyif* dan tanpa *tamthil*. Kaedah komparatif pula digunakan dalam membuat perbandingan antara konsep *tafwid al-ma'na* dan konsep *tafwid al-kayfiyyah*. Metode ini juga digunakan dalam membandingkan antara hujah-hujah yang digunakan oleh Asha'irah dan Ibn Taymiyyah dengan merujuk kepada *athar* serta penjelasan daripada imam empat mazhab dan *Ahl al-Hadith mutaqaddimin*.

Dapatan Kajian

Di bawah ini ialah penjelasan berkenaan dua topik sahaja iaitu berkenaan konsep *tafwid* yang diterima pakai oleh ulama *Salaf* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* menurut ulama Asha'irah dan menurut Ibn Taymiyyah, dan keduanya ialah hujah-hujah ulama Asha'irah dan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah dalam mengistinbatkan konsep *tafwid* yang berbeza.

Konsep *Tafwid* Ulama *Salaf* menurut Asha'irah dan Ibn Taymiyyah

Penjelasan berkenaan perbezaan pendapat antara ulama Asha'irah dan Ibn Taymiyyah berkenaan konsep *tafwid* yang diterima pakai oleh ulama *Salaf* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* adalah sebagaimana berikut:

Konsep *Tafwid Salaf* Menurut Asha'irah

Semua ulama Asha'irah seperti al-Baqillani (1987), al-Bayhaqi (1999), al-Juwayni (2009), al-Ghazali (2014), Ibn al-'Arabi (1990), Ibn al-Jawzi (2005), al-Shahrastani (1994), al-Razi (2011), al-Qurtubi (1996), al-Nawawi (1997; 2011), Ibn Jama'ah (2005), Ibn al-Labban (2020), al-Zarkashi (1994) dan lain-lain menjelaskan bahawa konsep *tafwid* yang diterima pakai oleh ulama *Salaf* adalah berpaksikan kepada *tafwid al-ma'na*. Fakhr al-Din al-Razi (2011: 229) contohnya menjelaskan:

حَاصِلُ هَذَا الْمَذْهَبِ أَنَّ هَذِهِ الْمُتَشَابِهَاتِ يَجِبُ الْقَطْعُ فِيهَا بِأَنَّ مُرَادَ اللَّهِ تَعَالَى مِنْهَا شَيْءٌ غَيْرُ ظَوَاهِرِهَا، ثُمَّ يَجِبُ تَقْوِيضُ مَعْنَاهَا إِلَى اللَّهِ تَعَالَى، وَلَا يَجُوزُ الْخَوْضُ فِي تَفْسِيرِهَا.

“Rumusan bagi mazhab ini (Salaf) ialah bahawa (ayat-ayat dan hadis-hadis) al-Mutashabihat ini wajib diputuskan padanya bahawa apa yang dikehendaki oleh Allah Ta'ala daripadanya ialah suatu (makna) yang bukan menurut pengertian-pengertian zahirnya, kemudian wajib mentafwidkan (menyerahkan) pengertiannya (al-Mutashabihat) kepada Allah Ta'ala, dan tidak harus berbicara panjang dalam mentafsirkannya”.

Penjelasan al-Razi di atas menyatakan bahawa manhaj *tafwid al-ma'na* mengandungi tiga prinsip penting. **Pertama**, mentanzihkan (mensucikan) Allah s.w.t daripada bertempat, beranggota, berjisim, mempunyai rupa bentuk dan sebagainya. **Kedua**, menyerahkan penentuan pengertian hakiki (*ta'wil tafsili*) yang dikehendaki daripada sesuatu *Sifat Khabariyyah* kepada Allah s.w.t. **Ketiga**, menahan diri daripada berbicara panjang mengenai *Sifat Khabariyyah*.

Menurut ulama Asha'irah, ulama *Salaf* tidak pernah mengithbatkan pengertian hakiki *Sifat Khabariyyah* yang menggambarkan bahawa Allah s.w.t bertempat di atas 'arash ataupun di dalam alam ini dan sebagainya. 'Abd al-Qahir al-Baghdadi (2008: 292) dan al-Juwayni (2009: 44) contohnya menjelaskan bahawa semua ulama *Ahl al-Sunnah* telah berijmak mengatakan bahawa Allah s.w.t wujud tanpa mengambil tempat di mana-mana pun dan tanpa dilalui oleh masa. Bertolak dari konsep *tafwid al-ma'na* juga ulama Asha'irah meyakini bahawa para ulama *Salaf* telah mensucikan *Dhat* Allah s.w.t daripada pengertian zahir dan *lawazim Sifat Khabariyyah* (beberapa pengertian yang melazimi *Sifat Khabariyyah*) seperti bertempat, berjisim, beranggota, duduk, turun dari atas ke bawah, naik dari bawah ke atas, *hulul* (masuk ke dalam makhluk dengan *DhatNya*) dan *ittihad* (bersatu dengan makhluk) (al-Ghazali, 1994: 1/117-118; al-Husayni, 2005: 7-44; al-Husayni, 2012: 3-213).

Konsep *Tafwid* Ulama *Salaf* Menurut Ibn Taymiyyah

Menurut Ibn Taymiyyah (2006), konsep *tafwid* yang diterima pakai oleh ulama *Salaf* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* adalah bertunjangkan kepada *tafwid al-kayfiyyah*. Antara penegasan Ibn Taymiyyah (Harras, 2021: 49) ialah:

وَمِنَ الْإِيمَانِ بِاللَّهِ الْإِيمَانُ بِمَا وَصَفَ بِهِ نَفْسَهُ فِي كِتَابِهِ، وَبِمَا وَصَفَهُ بِهِ رَسُولُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
مِنْ غَيْرِ تَحْرِيفٍ وَلَا تَعْطِيلٍ، وَمِنْ غَيْرِ تَكْيِيفٍ وَلَا تَمْثِيلٍ.

“Dan antara sebahagian dari beriman kepada Allah s.w.t ialah beriman kepada apa yang Dia (Allah s.w.t) telah mensifatkannya akan Diri-Nya sendiri dalam kitabNya (al-Quran), dan dengan apa yang Rasul-Nya (Nabi Muhammad) s.a.w telah mensifatkan-Nya tanpa tahrif dan tanpa ta’til, serta tanpa takyif dan tanpa tamthil”.

Melalui pernyataan di atas, Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa sebahagian daripada tuntutan beriman kepada Allah s.w.t ialah beriman kepada semua *Sifat Khabariyyah* menurut pengertian hakiki bertunjangkan kepada empat prinsip iaitu tanpa *tahrif* (mengubah lafaz atau mengubah pengertian hakiki dengan cara mentakwilnya dengan *ta’wil tafsili*), tanpa *ta’til* (menafikan pengertian hakiki dengan cara mentafwidkan pengertiannya kepada Allah s.w.t dan kepada Rasulullah s.a.w), tanpa *takyif* (menyatakan bentuk dan ciri-ciri sesuatu sifat Allah) dan tanpa *tamthil* (menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk) (al-Hakami, 2017; ‘Uthaymin, 2012: 39; Harras, 2021).

Penyataan di atas sekali gus bertujuan untuk menolak manhaj *tafwid al-ma’na* dan manhaj *ta’wil tafsili* secara mutlak. Untuk tujuan tersebut, Ibn Taymiyyah melalui karya bertajuk *al-Iklil fi al-Mutashabih wa al-Ta’wil* (t.t: 44-52) menegaskan bahawa pengertian nas al-Quran dan *al-Hadith* yang berkaitan *Sifat Khabariyyah* adalah bersifat *muhkamat*, dan justeru itu menerima pakai pengertian hakiki yang selayaknya bagi Allah s.w.t adalah satu kemestian. Bertujuan untuk menolak tindakan ulama Asha’irah yang mentakwilkan pelbagai *Sifat Khabariyyah*, Ibn Taymiyyah telah menafikan kewujudan *majaz* di dalam al-Quran dan *al-Hadith* termasuk berkaitan *Sifat Khabariyyah* (al-Mut’ini, 1995).

Hujah yang Dikemukakan oleh Asha’irah dan Ibn Taymiyyah

Penjelasan berkenaan hujah yang dikemukakan oleh Asha’irah dan hujah yang dikemukakan oleh Ibn Taymiyyah ketika mengistinbatkan konsep *tafwid* yang berbeza adalah sebagaimana berikut:

Hujah Asha’irah

Dalam mengistinbatkan bahawa ulama *Salaf* telah menerima pakai *tafwid al-ma’na* ketika berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*, antara hujah yang dikemukakan oleh ulama Asha’irah ialah sebagaimana berikut:

Sifat Khabariyyah Adalah Termasuk Dalam Kategori Mutashabihat

Semua ulama Asha'irah (Ibn al-'Arabi, 1990; al-Qurtubi, 1996; al-Suyuti, 2006) menyatakan bahawa *Sifat Khabariyyah* adalah termasuk dalam kategori *mutashabihat*. Ibn al-'Arabi (1990: 378) contohnya menjelaskan bahawa antara perkara yang termasuk dalam ayat-ayat *mutashabihat* ialah:

كُلُّ آيَةٍ عَبَّرَ اللَّهُ فِيهَا عَنْ نَفْسِهِ بِفِعْلٍ يَسْتَحِيلُ ظَاهِرُهُ عَلَيْهِ، وَالْحُرُوفُ الْمُتَشَابِهَاتُ فِي أَوَائِلِ السُّورِ.

“Setiap ayat (al-Quran) yang Allah SWT menjelaskan tentang DiriNya dengan sesuatu perbuatan yang pengertian zahirnya adalah mustahil bagiNya dan huruf-huruf mutashabihat di permulaan surah-surah (tertentu dalam al-Quran)”.

Secara langsung, *Sifat Khabariyyah* yang diklasifikasikan dalam kategori *ayat mutashabihat* mempunyai kaitan dengan firman Allah s.w.t:

وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّاسِخُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ ءَامَنَّا بِهِ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا

“... padahal tidak ada yang mengetahui takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah; dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: "Kami beriman kepadaNya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami”

Merujuk kepada frasa (وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ) dalam ayat di atas, *Sifat Khabariyyah* adalah mempunyai *ta'wil tafsili* yang tertentu di sisi Allah s.w.t. Justeru itu, ulama Asha'irah menjelaskan bahawa *Sifat Khabariyyah* seperti *wajh*, *'ayn*, *yad*, *istiwa*, *maji* dan *nuzul* adalah tidak boleh difahami menurut pengertian hakiki kerana setiap pengertian hakiki adalah merujuk kepada sifat-sifat *hissiyyah* seperti anggota, jisim, tempat, gerakan dan sebagainya (al-'Asri, 2022).

Sekalipun manhaj *tafwid al-ma'na* mengambil sikap untuk tidak berbicara panjang mengenai *Sifat Khabariyyah* dan hanya berhenti setakat pemakaian *ta'wil ijmal*, namun ia tidak pula membid'ahkan penggunaan manhaj *ta'wil tafsili* (al-'Asri, 2022; al-Mut'ini, 1995). Bahkan al-Qurtubi (1996, j. 4: 11) secara tegas menjelaskan bahawa para ulama *Salaf* sudah pun menerima pakai *tafwid al-ma'na* dan *ta'wil* sebagaimana penjelasan berikut:

وَقَدْ عُرِفَ أَنَّ مَذْهَبَ السَّلَفِ تَرْكُ التَّعَرُّضِ لِتَأْوِيلِهَا مَعَ قَطْعِهِمْ بِاسْتِحَالَةِ ظَوَاهِرِهَا، فَيَقُولُونَ أَمْرُهَا كَمَا جَاءَتْ. وَذَهَبَ بَعْضُهُمْ إِلَى إِبْدَاءِ تَأْوِيلَاتِهَا وَحَمْلِهَا عَلَى مَا يَصِحُّ حَمْلُهُ فِي اللِّسَانِ عَلَيْهَا مِنْ غَيْرِ قَطْعٍ بِتَعْيِينِ مُجْمَلٍ مِنْهَا.

“Dan telah diketahui umum bahawa mazhab *Salaf* adalah meninggalkan penglibatan diri dalam mentakwilnya (ayat-ayat *mutashabihat*) beserta mereka memutuskan tentang kemustahilan pengertian-pengertiannya yang zahir. Justeru itulah mereka berkata: “Lakukan ia (bacalah ayat-ayat *mutashabihat*) sebagaimana ia datang (tanpa berpegang kepada pengertiannya yang hakiki dan

tanpa memberikan takwilan tafsili kepadanya)”. Dan setengah mereka (ulama Salaf) berpendapat (harus) mengemukakan takwilan-takwilannya (yang tafsili) dan menyamakannya dengan apa (makna) yang sah menurut kebiasaan lidah (percakapan bangsa Arab) dalam penggunaannya (takwilan tersebut) tanpa memuktamadkan bahawa itulah (takwilan) yang tertentu bagi lafaz mujmal (Sifat Khabariyyah) tersebut”.

Menurut penjelasan al-Qurtubi di atas, sudah terdapat dua manhaj yang diterima pakai oleh ulama *Salaf* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* iaitu manhaj *Tafwid al-Ma'na* dan manhaj *Ta'wil*. Penggunaan konsep *tafwid al-ma'na* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* adalah bertunjangkan kepada penerimaan terhadap kewujudan konsep *ta'wil ijmal* yang sekali gus memberi perakuan kepada kewujudan *majaz* dalam al-Quran dan *al-Hadith* termasuk nas-nas yang berkaitan dengan *Sifat Khabariyyah* (al-Mut'ini, 2015).

Apa yang menarik ialah ulama Asha'irah turut menjelaskan bahawa pemakaian manhaj *al-Ta'wil* telah pun dipelopori oleh sebilangan para Sahabat r.h, *Tabi'in* dan *Atba' al-Tabi'in* (al-Zarkashi, 1994; Rishwan, 2021; Rashidi & Hadzrullathfi, 2014). Ia sekali gus memberi laluan kepada ulama Asha'irah untuk menerima pakai manhaj *ta'wil* dalam berinteraksi dengan pelbagai *Sifat Khabariyyah* (Abu Khalaf, 2012: 240-266).

Jawapan Imam Malik Yang Mengandungi Frasa (وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ)

Para ulama Asha'irah turut mengistinbatkan bahawa *tafwid* ulama *Salaf* adalah bertunjangkan kepada *tafwid al-ma'na* setelah mengambil kira pertanyaan seorang lelaki kepada Imam Malik bin Anas (93-179 H) tentang *kayfiyyat* Allah s.w.t beristiwa' di atas 'arash (كَيْفَ اسْتَوَى؟), lalu pertanyaan tersebut dijawab oleh Imam Malik (al-Lalaka'i, 2004: 3/253; al-Sabuni, t.t: 41; al-Bayhaqi, t.t: 561; Ibn Qudamah, 1986: 119) dengan penegasan berikut:

الْإِسْتِوَاءُ غَيْرُ مَجْهُولٍ، وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ، وَالْإِيمَانُ بِهِ وَاجِبٌ، وَالسُّؤَالُ عَنْهُ بِدْعَةٌ.

“Istiwa' (itu) bukanlah tidak diketahui (beberapa pengertiannya menurut penggunaan bahasa Arab); dan (adanya) *kayfiyyat* (bentuk dan ciri-ciri tertentu bagi istiwa' Allah s.w.t seperti mengambil tempat, duduk dan sebagainya) adalah mustahil, beriman dengannya (sifat istiwa' beserta menafikan kewujudan *kayfiyyat*) adalah wajib dan bertanya mengenainya (*kayfiyyat istiwa'*) adalah bid'ah”.

Merujuk kepada frasa (وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ): “dan (adanya) *kayfiyyat* (bagi Dhat dan Sifat Allah s.w.t) adalah mustahil pada akal” dalam jawapan Imam Malik di atas, Mahmud al-Subki (1974: 68) contohnya menjelaskan (وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ نَفْيٌ لِمَا يُتَوَهَّمُ فِيهِ مِنْ مُحْتَمَلَاتِهِ الْحِسِّيَّةِ إِذْ لَا تُعْقَلُ فِي حَقِّهِ تَعَالَى) yang bermaksud: “Dan (adanya) *kayfiyyah* (bagi sifat istiwa' itu) adalah mustahil pada akal, (penegasan Imam Malik tersebut) merupakan suatu penafian terhadap sebarang sangkaan dan andaian yang bersifat hissiyyah (fizikal) kerana ia adalah tidak logik (mustahil) pada hak Allah Ta'ala”.

Sehubungan dengan itu, bagi membezakan antara manhaj golongan Jahmiyyah yang menafikan *Sifat Khabariyyah* secara mutlak berbanding manhaj ulama *Salaf* yang berpaksikan kepada *tafwid al-ma'na*, Rishwan Abu Zayd Mahmud (2021: 14) menjelaskan:

يَنْبَغِي أَيْضًا أَنْ نُفَرِّقَ بَيْنَ مَذْهَبِ نَفَاةِ الصِّفَاتِ الْمُعْطَلَةِ، وَبَيْنَ مَذْهَبِ السَّلَفِ الَّذِينَ يُفَوِّضُونَ عِلْمَ حَقِيقَةِ الصِّفَاتِ الَّتِي تُؤْهِمُ مُشَابَهَةَ اللَّهِ تَعَالَى لِخَلْقِهِ، فَيُثْبِتُونَ الصِّفَةَ وَيُفَوِّضُونَ عِلْمَ حَقِيقَتِهَا لِلَّهِ جَلَّ وَعَلَا، فَهُمْ يَقُولُونَ عِنْدَ مَا تُتْلَى عَلَيْهِمْ آيَةٌ أَوْ حَدِيثٌ فِي ذَلِكَ أَمَّا بِهِ كُلٌّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا، مَعَ تَنْزِيهِ اللَّهِ تَعَالَى عَنْ مُشَابَهَةِ خَلْقِهِ، وَتَفْوِيضِ عِلْمِ مَعْنَاهُ وَحَقِيقَتِهِ لَهُ سُبْحَانَهُ، وَنَفْيِ الْكَيفِيَّةِ عَنْهُ.

“Sepatutnya juga kita membezakan antara mazhab golongan Mu’atilah yang menafikan Sifat Khabariyyah berbanding mazhab Salaf yang mentafwidkan (kepada Allah dan RasulNya) pengetahuan berkaitan hakikat Sifat Khabariyyah yang membayangkan keserupaan Allah Ta’ala dengan makhlukNya, yang menyebabkan mereka (ulama Salaf) mengithbatkan Sifat Khabariyyah beserta mentafwidkan pengetahuan mengenai hakikatnya kepada Allah Jalla wa ‘Ala; maka mereka mengatakan ketika dibacakan kepada mereka ayat atau hadis mengenainya: “Kami beriman kepadanya (kerana) semuanya datang dari sisi Tuhan kami”, beserta mentanzihkan Allah Ta’ala dari menyerupai makhlukNya, sambil mentafwidkan pengetahuan tentang makna dan hakikatnya (ta’wil tafsili bagi Sifat tersebut) kepadaNya (Allah) s.w.t, beserta menafikan kayfiyyat daripadaNya (Dhat dan Sifat Allah s.w.t)”.

Paparan di atas menjelaskan bahawa menurut *istinbat* ulama Asha’irah, para ulama *Salaf* telah bersepakat dalam mengithbatkan *Sifat Khabariyyah* yang terkandung dalam al-Quran dan *al-Hadith* beserta dengan mentanzihkan Allah s.w.t (*Dhat*, *Sifat* dan *Af’al*Nya) daripada menyerupai makhluk dan dengan mentafwidkan pengertian hakiki (*ta’wil tafsili*) *Sifat Khabariyyah* tersebut beserta menafikan kewujudan *kayfiyyah* bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t (al-Dihlawi, t.t: 5).

Ulama *Salaf* Telah Berijmak Atas Manhaj *Tafwid al-Ma’na*

Menurut kajian Dr. Sayf bin ‘Ali al-‘Asri (2022: 142-148), antara ulama Asha’irah yang menjelaskan bahawa para ulama *Salaf* telah berijmak dalam menerima pakai manhaj *tafwid al-ma’na* ketika berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah* ialah al-Juwayni (419-478 H) dalam karya beliau *al-‘Aqidah al-Nizamiyyah fi al-Arkan al-Islamiyyah* (1992: 32-33), Fakr al-Din al-Razi (544-606 H) dalam *Asas al-Taqdis* (2011: 140) dan Ibn Qudamah al-Maqdisi (541-620 H) dalam *Tahrim al-Nazar fi Kutub al-Kalam* (1990: 39, 49, 50-51 dan 54).

Ringkasnya, antara hujah yang dikemukakan oleh ulama Asha’irah ialah penjelasan yang mengatakan bahawa ulama *Salaf* telah berijmak atas manhaj *tafwid al-ma’na* ketika berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*. Melalui karya bertajuk *Dhamm al-Ta’wil* pula Ibn Qudamah al-Maqdisi (2002: 11) menjelaskan:

مَذْهَبُ السَّلَفِ رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِمُ الْإِيمَانُ بِصِفَاتِ اللَّهِ تَعَالَى وَأَسْمَائِهِ الَّتِي وَصَفَ بِهَا نَفْسَهُ فِي آيَاتِهِ وَتَنْزِيلِهِ أَوْ عَلَى لِسَانِ رَسُولِهِ مِنْ غَيْرِ زِيَادَةٍ عَلَيْهَا وَلَا نَقْصٍ مِنْهَا وَلَا تَجَاوُزَ لَهَا وَلَا تَفْسِيرَ لَهَا وَلَا

تَأْوِيلُ لَهَا بِمَا يُخَالِفُ ظَاهِرَهَا وَلَا تَشْبِيهِ بِصِفَاتِ الْمَخْلُوقِينَ وَلَا سِمَاتِ الْمُخْدَتِينَ، بَلْ أَمْرُهَا كَمَا جَاءَتْ،
وَرَدُّوْا عِلْمَهَا إِلَى قَائِلِهَا وَمَعْنَاهَا إِلَى الْمُتَكَلِّمِ بِهَا.

“Mazhab Salaf – semoga rahmat Allah dikurniakan kepada mereka – ialah beriman dengan sifat-sifat Allah Ta’ala dan nama-namaNya yang Dia sendiri telah mensifatkan DiriNya dalam ayat-ayatNya dan wahyuNya atau melalui lidah RasulNya tanpa sebarang penambahan ke atasnya, tanpa sebarang pengurangan daripadanya, tanpa melampauinya, tanpa mentafsirkannya dan tanpa mentakwilnya dengan apa (takwilan) yang menyalahi pengertian zahirnya dan tanpa mentashbihkan dengan sifat-sifat makhluk dan tidak (menyerupakan) juga dengan sifat-sifat baharu; bahkan mereka melalukannya sebagaimana ia datang (dalam al-Quran dan al-Hadith), dan mereka mengembalikan pengetahuan mengenainya (Sifat-sifat Allah dan Nama-namaNya) kepada yang mengatakannya dan menyerahkan maknanya (yang dikehendaki) kepada yang mengatakannya”.

Ibn Qudamah al-Maqdisi (2002: 12) seterusnya menjelaskan:

وَقَالَ بَعْضُهُمْ: وَيُرْوَى ذَلِكَ عَنِ الشَّافِعِيِّ – رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ -: أَمَنْتُ بِمَا جَاءَ عَنِ اللَّهِ عَلَى مُرَادِ اللَّهِ،
وَبِمَا جَاءَ عَنِ رَسُولِ اللَّهِ عَلَى مُرَادِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ).

“Dan berkata setengah mereka (ulama Salaf): Dan diriwayatkan (pendapat) yang sedemikian itu daripada (Imam) al-Shafi’i – semoga rahmat Allah dikurniakan kepadanya: “Saya beriman kepada apa yang datang dari Allah menurut maksud yang dikehendaki oleh Allah, dan (saya beriman) dengan apa yang datang daripada Rasulullah menurut maksud yang dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w.”.

Merujuk kepada tiga hujah di atas, ulama Asha’irah menjelaskan bahawa ulama *Salaf* telah mengithbatkan *Sifat Khabariyyah* menurut lafaznya yang zahir tanpa menerima pakai pengertian hakikinya dengan tujuan untuk membezakan antara Allah s.w.t dengan makhluk ciptaanNya yang berjisim, beranggota, bertempat, berpindah tempat, mempunyai perasaan dan sebagainya. Ini kerana mereka menerima pakai kewujudan *ta’wil ijmali* setelah merujuk kepada firman Allah s.w.t (وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ) dan setelah merujuk kepada ayat *muhkamat* yang menjadi rujukan utama dalam berinteraksi dengan *Sifat Mutashabihat* seperti firman Allah s.w.t (لَيْسَ (وَالْكَيفُ) كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ). Manakala penegasan ulama *Salaf* dengan menggunakan frasa (غَيْرُ مَقْضُولٍ) dan frasa (بَلَا كَيْفٍ) pula telah dijadikan hujah utama mentanzihkan *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t daripada *kayfiyyah* (rupa, bentuk dan cara) tertentu.

Hujah Ibn Taymiyyah

Dalam mempertahankan pendapat bahawa *tafwid al-kayfiyyah* merupakan satu-satunya manhaj *Salaf* yang sebenar, Ibn Taymiyyah mengemukakan pelbagai hujah yang berlawanan dengan hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh ulama Asha’irah. Penjelasan ringkas mengenainya adalah sebagaimana berikut:

Sifat Khabariyyah* adalah Termasuk dalam Kategori *Muhkamat

Berbeza dengan penjelasan ulama Asha'irah yang mengklasifikasikan *Sifat Khabariyyah* dalam kategori *mutashabihat*, Ibn Taymiyyah sebaliknya telah mengklasifikasikannya dalam kategori *muhkamat*. Justeru itu, beliau menegaskan bahawa *Sifat Khabariyyah* mesti difahami menurut pengertian hakiki yang layak bagi Allah s.w.t, bukannya menurut pengertian hakiki yang biasa digunakan untuk makhluk (Ibn Taymiyyah, t.t; 1426 H; 1993).

Ibn Taymiyyah bukan sahaja menolak manhaj *ta'wil* secara total bahkan turut menolak manhaj *tafwid al-ma'na*. Bagi membezakan antara manhaj *tafwid al-kayfiyyah* berbanding manhaj *tafwid al-ma'na* dan manhaj *ta'wil* serta fahaman *tashbih* dan *tajsim*, Ibn Taymiyyah (2021: 129) menegaskan bahawa pengertian hakiki *Sifat Khabariyyah* hendaklah diterima pakai tanpa *tahrif*, tanpa *ta'til*, tanpa *takyif* dan tanpa *tamthil* sebagaimana yang dijelaskan dalam topik 2.1.2.

Antara kaedah umum yang dinyatakan oleh Ibn Taymiyyah (1391: 21-28) ialah (الْقَوْلُ فِي بَعْضِ الصِّفَاتِ كَالْقَوْلِ فِي الْبَعْضِ الْآخَرِ) iaitu perbincangan mengenai sebahagian dari *Sifat Khabariyyah* adalah seperti perbincangan mengenai baki *Sifat Khabariyyah* yang lain. Kaedah ini bertujuan untuk mengithbatkan puluhan *Sifat Khabariyyah* yang terdiri dari tujuh *sifat ma'ani* yang telah diithbatkan oleh ulama Asha'irah dan pelbagai sifat lain yang telah ditakwilkan oleh ulama Asha'irah seperti *al-wajh*, *al-'ayn*, *al-yadayn*, *al-asabi'*, *al-janb*, *al-qadam*, *al-surah*, *al-'uluww*, *al-nuzul*, *al-maji'*, *al-ityan*, *al-ghadab*, *al-ta'ajjub*, *al-makr*, *al-haya'*, *al-ghayrah*, *al-sabr*, *al-farah*, *al-dahik*, *al-rida*, *al-wudd*, *al-mahabbah* dan *al-rahmah* (Abu Khalaf, 2012: 240-266).

Sehubungan dengan itu, Ibn Taymiyyah telah memanjangkan perbincangan mengenai sebilangan *Sifat Khabariyyah* seperti *istiwa'* dan *nuzul*. Sebagai contoh, Ibn Taymiyyah (2021: 156) menyatakan bahawa *istiwa'* itu adalah diketahui makna dan tafsirannya serta boleh diterjemahkan ke bahasa lain. Ibn Taymiyyah (2000: 200-221) turut menyatakan bahawa “Allah s.w.t beristiwa' di atas 'arash dengan *DhatNya* (بِدَاتِهِ)” tetapi *kayfiyyat istiwa'* itu perlu ditafwidkan kepada Allah Ta'ala’.

Selain itu, Ibn Taymiyyah (1426 H) turut mengithbatkan bahawa Allah s.w.t mempunyai muka, dua mata, dua tangan, telapak tangan, jari-jari tangan dan dua kaki menurut pengertian hakiki yang layak bagi Allah s.w.t. Alasan beliau ialah Allah s.w.t sendiri telah mengithbatkan sifat-sifatNya secara terperinci (*tafsil*) manakala dalam menafikan sesuatu sifat yang mustahil baginya, ia hanya dilakukan secara *ijmal* sahaja.

Apa yang lebih menakjubkan ialah Ibn Taymiyyah (2001: 78) telah memberi perakuan kepada pendapat al-Darimi (w. 280 H) yang menjelaskan (2007: 292) bahawa Allah s.w.t yang bersifat *al-Hayy al-Qayyum* boleh melakukan apa sahaja yang dikehendakiNya seperti bergerak apabila Dia kehendaki, turun (ke langit dunia) dan naik (semula ke 'arash) apabila Dia kehendaki, menggenggam dan membuka (kedua belah telapak tanganNya) ... dan duduk apabila Dia kehendaki kerana tanda yang membezakan antara *al-Hayy* dan *al-Mayyit* ialah pergerakan, (di mana) setiap yang hidup pastinya bergerak dan setiap yang mati pastinya tidak bergerak.

Jawapan Imam Malik yang Mengandungi Frasa (وَالْكَيفُ مَجْهُولٌ)

Hujah terpenting yang digunakan oleh Ibn Taymiyyah dalam mengistinbatkan konsep *tafwid al-kayfiyyah* ialah jawapan Imam Malik apabila ditanya tentang kayfiyyat Allah s.w.t beristiwa' di atas 'arash (كَيْفَ اسْتَوَى؟). Jawapan Imam Malik yang dipilih oleh Ibn Taymiyyah (1993, 1999, 2000, 2006, 2021) ialah yang mengandungi frasa (وَالْكَيفُ مَجْهُولٌ) sebagaimana berikut:

الِاسْتِوَاءُ مَعْلُومٌ، وَالْكَيفُ مَجْهُولٌ، وَالْإِيمَانُ بِهِ وَاجِبٌ وَالسُّؤَالُ عَنْهُ بِدْعَةٌ ...

“Istiwa' itu dimaklumi (diketahui maksudnya) dan kayfiyyat (bentuk dan ciri-ciri istiwa') tidak diketahui, beriman dengannya (sifat istiwa' yang ada kayfiyyat tertentu) adalah wajib dan bertanya mengenainya (kayfiyyat istiwa') adalah bid'ah”.

Merujuk kepada jawapan Imam Malik yang mengandungi frasa (وَالْكَيفُ مَجْهُولٌ) di atas, Ibn Taymiyyah (2000, 1: 213) menjelaskan:

وَكَلَامُ مَالِكٍ صَرِيحٌ فِي إِثْبَاتِ الْإِسْتِوَاءِ وَأَنَّهُ مَعْلُومٌ وَأَنَّ لَهُ كَيْفِيَّةً، لَكِنْ تِلْكَ الْكَيْفِيَّةُ مَجْهُولَةٌ لَنَا لَا نَعْلَمُهَا نَحْنُ، وَلِهَذَا بَدَعَ السَّائِلُ الَّذِي سَأَلَهُ عَنْ هَذِهِ الْكَيْفِيَّةِ، فَإِنَّ السُّؤَالَ إِنَّمَا يَكُونُ عَنْ أَمْرٍ مَعْلُومٍ لَنَا، وَنَحْنُ لَا نَعْلَمُ كَيْفِيَّةَ اسْتِوَاءِهِ، وَلَيْسَ كُلُّ مَا كَانَ مَعْلُومًا وَلَهُ كَيْفِيَّةٌ تَخُونُ تِلْكَ الْكَيْفِيَّةُ مَعْلُومَةً لَنَا.

“Dan kata-kata (Imam) Malik sangat jelas dalam mengistinbatkan sifat istiwa' (di atas 'arash), dan bahawasanya ia (istiwa' itu) diketahui (pengertiannya dari aspek bahasa) dan bahawa ia (istiwa' itu) mempunyai kayfiyyat (bentuk dan ciri-ciri yang tertentu); akan tetapi kayfiyyat tersebut tidak diketahui oleh kita, (dan) kita sama sekali tidak akan mengetahui tentangnya. Lantaran inilah beliau (Imam Malik) telah menghukum orang yang bertanya kepada beliau tentang kayfiyyat (istiwa') itu sebagai ahli bid'ah; kerana setiap pertanyaan hanya sesuai ditanya apabila ia berkaitan dengan perkara yang mampu diketahui oleh kita; (justeru itu, soalan tersebut tidak layak untuk ditanya) kerana kita (semua) tidaklah mengetahui kayfiyyat istiwa'Nya; dan setiap perkara (termasuk ayat al-istiwa') yang diketahui (pengertiannya dari aspek bahasa) dan ia pula mempunyai kayfiyyat (bentuk dan ciri-ciri) yang tertentu, tidaklah semestinya kayfiyyat itu akan diketahui oleh kita”.

Melalui penjelasan di atas, Ibn Taymiyyah menegaskan bahawa frasa (وَالْكَيفُ مَجْهُولٌ) bertujuan untuk mengistinbatkan bahawa sifat *istiwa'* Allah s.w.t adalah mempunyai *kayfiyyat* yang layak bagiNya. Antara penjelasan Ibn Taymiyyah (t.t, 49) ialah para ulama *Salaf* telah memberi perakuan bahawa Allah s.w.t berada di atas 'arash secara hakiki dan *Dhat*Nya berada di atas *dhat* 'arash (dengan *kayfiyyat* yang layak bagiNya).

Berkenaan kewujudan beberapa *athar* ulama *Salaf* yang menafikan kewujudan *kayfiyyah* bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t seperti (أَمْرُهَا كَمَا جَاءَتْ بِهَا كَيْفٌ) (al-Lalaka'i, 2004), (يُنْزَلُ بِهَا كَيْفٌ) (Abu Hanifah, 2007) dan (بِهَا تَكْنِيفٌ) (Ibn Kathir, 1994, 2: 295), Ibn Taymiyyah telah memberikan beberapa “takwilan” yang bertujuan untuk mempertahankan konsep *tafwid al-*

kayfiyyah. Sebagai contoh, Ibn Taymiyyah (2006: 5/27), menjelaskan bahawa penggunaan ungkapan (أَمْرُهَا كَمَا جَاءَتْ) adalah bertujuan untuk menolak akidah golongan *Mu'attilah* (yang menafikan segala sifat Allah), manakala frasa (بَلَا كَيْفٍ) pula bertujuan untuk menolak akidah golongan *Mumaththilah* yang menyamakan *Sifat* Allah dengan sifat-sifat makhluk.

Sementara itu, ungkapan (بَلَا تَكْيِيفٍ) pula telah “ditakwil” oleh Shaykh ‘Abd al-Rahman bin Nasir al-Barrak (2006: 35) dengan maksud (مِنْ غَيْرِ بَحْثٍ عَنْ كَيْفِيَّةِ صِفَاتِ الرَّبِّ وَلَا تَعَرُّضٍ لِتَحْدِيدِ) (كُنْهِ صِفَاتِهِ) iaitu “*tanpa mengkaji tentang kayfiyyah sifat-sifat Allah dan tanpa bertindak menentukan hakikat sifat-sifatNya*”. Sementara frasa (بَلَا كَيْفٍ) pula telah “ditakwil” dengan maksud (بَلَا كَيْفٍ نَعْلَمُهُ) iaitu: “*tanpa kayfiyyat yang kita ketahui*” (al-’Asri, 2010: 294).

Ringkasnya, prinsip penting yang terkandung di sebalik *tafwid al-kayfiyyah* ialah meyakini bahawa *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t mempunyai *kayfiyyat* tertentu yang hanya diketahui oleh Allah s.w.t sahaja. Bagi mempertahankan pendapat tersebut, Ibn Taymiyyah telah menghimpunkan puluhan dalil dan hujah dari al-Quran dan *al-Hadith* serta *athar* daripada lebih empat puluh orang ulama bermula pada abad kedua hingga abad kelima hijrah seperti al-Darimi, Ibn Khuzaymah, al-Khallal, Abu Ya’la al-Hanbali dan Ibn al-Zaghuni (Mikdash, 2013).

Dakwaan Ulama *Salaf* Telah Berijmak Atas Manhaj *Ithbat*

Sebagaimana ulama Asha’irah telah berhujah dengan mengatakan bahawa ulama *Salaf* telah berijmak dalam menerima pakai manhaj *tafwid al-ma’na*, Ibn Taymiyyah (2000: 212-214) pula telah berhujah dengan menyatakan bahawa manhaj *Ithbat* merupakan satu-satunya manhaj ulama *Salaf* dalam kalangan para Sahabat r.h, Tabi’in dan para ulama selepas mereka seperti Imam Abu Hanifah (80-150 H), Imam Malik (93-179 H), Abu al-Hasan al-Ash’ari (260-324 H), Abu Bakr al-Ajurri (280-360 H), al-Hafiz Abu Nu’aym al-Asbihani (w. 405 H), al-Hafiz Abu Bakr al-Bayhaqi (384-458 H) dan Ibn ‘Abd al-Barr (368-463 H).

Melalui karya bertajuk *Majmu’ah al-Fatawa* (2006: j. 5, 8-9) pula, Ibn Taymiyyah menyatakan bahawa manhaj *Ithbat* telah dijadikan pegangan terakhir oleh al-Juwayni (419-478 H) al-Shahrastani (479-548 H) dan al-Razi (544-606 H). Melalui karya bertajuk *al-Mas’alah al-Hamawiyah* pula Ibn Taymiyyah (2021: 129-338) menukikan puluhan *athar* daripada lebih empat puluh orang ulama bermula pada abad kedua hingga abad kelima hijrah bagi menjelaskan bahawa manhaj ulama *Salaf* adalah bertunjangkan kepada *tafwid al-kayfiyyah*.

Perbincangan

Dapatan kajian di atas menjelaskan bahawa ulama Asha’irah telah menafikan kewujudan *kayfiyyah* bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t. Antara hujah yang digunakan ialah jawapan Imam Malik yang mengandungi frasa (وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ). Manakala Ibn Taymiyyah pula telah menggunakan jawapan Imam Malik yang mengandungi frasa (وَالْكَيفُ مَجْهُولٌ) bagi mengithbatkan kewujudan *kayfiyyah* bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t.

Apabila dinilai dari aspek periwayatan *athar* di atas, jawapan yang mengandungi frasa (وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ) itulah yang sepatutnya dijadikan hujah kerana ia memiliki sepuluh *sanad* yang sahih (al-Badr, t.t: 19-28). Manakala jawapan yang mengandungi frasa (وَالْكَيفُ مَجْهُولٌ) pula

adalah tidak boleh dijadikan hujah kerana ia tidak pernah diriwayatkan dengan sanad yang *sahih* mahupun sanad yang *hasan* (Salim, 2008: 139). Ia sebaliknya hanya diriwayatkan dengan satu sanad yang *da'if* sahaja (al-Badr, t.t: 48).

Apa yang menakjubkan ialah Ibn Taymiyyah (2000; 2006) sendiri turut meriwayatkan jawapan Imam Malik yang mengandungi frasa (وَالْكَيفُ غَيْرُ مَعْقُولٍ) dan menyatakan bahawa ia merupakan riwayat yang *sahih*. Malangnya demi untuk memperjuangkan manhaj *tafwid al-kayfiyyah*, Ibn Taymiyyah sengaja menerima pakai riwayat yang *da'if* di atas tanpa mengemukakan sebarang sanad pun. Tindakan yang sama turut dilakukan oleh para pendokong aliran *tafwid al-kayfiyyah* bermula dari Ibn al-Qayyim (2004: 354) dan semua sarjana Islam terkemudian (al-Hakami, 2019; Harras, 2021; al-'Uthaymin, 2014; al-Barrak, 2006).

Padahal, penafian kewujudan *kayfiyyat* bagi sifat *istiwa'* Allah s.w.t telah pun dijelaskan secara *sarih* (berterangan) oleh Imam Malik sendiri melalui satu lagi jawapan beliau yang diriwayatkan dengan *sanad* yang *sahih* iaitu (al-Bayhaqi, t.t: 561):

الرَّحْمَنُ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى كَمَا وَصَفَ نَفْسَهُ، وَلَا يُقَالُ كَيْفٌ، وَكَيْفٌ عَنْهُ مَرْفُوعٌ، وَأَنْتَ رَجُلٌ سَوْءٍ صَاحِبٌ بِدْعَةٍ.

“(Tuhan yang bersifat) al-Rahman di atas ‘arash Ia tertinggi sebagaimana Dia telah sifatkan DiriNya sendiri, dan tidak boleh dikatakan bagaimana (kayfiyatnya), dan kayfiyat adalah terangkat daripadaNya, dan engkau adalah lelaki jahat lagi ahli bid’ah”.

Sama seperti penegasan Imam Malik di atas, para ulama *Salaf* yang lain turut menafikan kewujudan *kayfiyyah* bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t dengan menggunakan frasa (بَلَا كَيْفٍ) yang bermaksud: “*tanpa kayfiyyah*”. Imam Abu Hanifah contohnya menjelaskan bahawa *al-wajh*, *al-yad* dan *al-nafs* merupakan (صِفَاتٌ بَلَا كَيْفٍ): “Beberapa sifat (yang sabit bagi Allah s.w.t) tanpa *kayfiyyah*”. Apabila ditanya tentang hadis *al-Nuzul*, Abu Hanifah menjawab (يَنْزِلُ بَلَا كَيْفٍ): “Dia turun tanpa *kayfiyyah*”, (Abu Hanifah, 2007). Antara ungkapan yang turut digunakan oleh ulama *Salaf* ialah (أَمْرُهَا بَلَا كَيْفٍ) (al-Tirmidhi, 2013) dan (أَمْرُهَا كَمَا جَاءَتْ بَلَا كَيْفٍ): “*lalukan (bacalah dan terimalah) ia (lafaz zahir Sifat Khabariyyah) sebagaimana ia datang (dalam al-Quran dan al-Hadith) tanpa kayfiyyah*” (al-Lalaka'i, 2004).

Merujuk kepada pelbagai *athar* ulama *Salaf* yang mengandungi frasa (بَلَا كَيْفٍ), ulama Asha'irah menjelaskan bahawa manhaj *Salaf* adalah bertunjangkan kepada prinsip *Nafy al-Kayf* iaitu menafikan kewujudan *kayfiyyah* bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t (Rishwan, 2021). Penafian tersebut secara langsung menolak fahaman yang mengatakan bahawa ulama *Salaf* telah menerima pakai konsep *Tafwid al-Kayfiyyah*. Konsep *tafwid al-Kayfiyyah* itu sendiri adalah perlu ditolak kerana apa yang dimaksudkan dengan *kayfiyyah* dari aspek bahasa ialah “hal dan keadaan yang baru mendatang dan boleh hilang serta boleh ditanggapi oleh panca indera” (Rishwan, 2021: 8-11; 'Uthman Khalid et al., 2006: 2045).

Justeru itu, penjelasan Ibn Taymiyyah yang mengatakan bahawa semua ulama *Salaf* dan *Khalaf mutaqqaddimin* telah berijmak dalam menerima pakai manhaj *Ithbat* yang bertunjangkan kepada *tafwid al-kayfiyyah* adalah perlu disemak kembali. Ini kerana penyataan Ibn Taymiyyah bahawa Imam al-Bayhaqi (384-458 H) telah menerima pakai manhaj *ithbat* didapati bercanggah dengan fakta-fakta yang terkandung dalam karya-karya al-Bayhaqi sendiri seperti *al-I'tiqad wa*

al-Hidayah ila Sabil al-Rashad (1999) dan *al-Asma' wa al-Sifat* (t.t) yang bertujuan untuk memperjuangkan manhaj *tafwid al-ma'na*.

Demikian juga pernyataan Ibn Taymiyyah bahawa al-Juwayni pada akhir hayatnya telah berpegang kepada manhaj *Ithbat* didapati bercanggah dengan penjelasan al-Juwayni sendiri dalam *al-'Aqidah al-Nizamiyyah* (1992: 32-33) sebagaimana berikut:

وَذَهَبَ أَيْمَةُ السَّلَفِ إِلَى الْإِنْكَفَافِ عَنِ التَّأْوِيلِ، وَإِجْرَاءِ الظَّوَاهِرِ عَلَى مَوَارِدِهَا، وَتَفْوِيضِ مَعَانِيهَا إِلَى الرَّبِّ تَعَالَى ... فَحَقُّ عَلَى ذِي دِينٍ أَنْ يَعْتَقِدَ نَتْرَهُ الْبَارِي عَنْ صِفَاتِ الْمُحَدِّثِينَ، وَلَا يَخُوضَ فِي تَأْوِيلِ الْمُشْكَلَاتِ، وَيَكِلْ مَعْنَاهَا إِلَى الرَّبِّ تَبَارَكَ وَتَعَالَى.

“Dan para imam generasi Salaf bersikap menahan diri dari mentakwilkan (Sifat Khabariyyah), dan melakukan lafaz-lafaz yang zahir menurut penggunaannya yang asal, serta menyerahkan pengertian-pengertiannya kepada Allah s.w.t Maka menjadi kewajiban ke atas orang yang beragama agar meyakini kemahasucian al-Bari (Allah s.w.t selaku Pencipta kepada sekalian makhluk) daripada sifat-sifat segala yang baharu, dan tidak menceburkan diri dalam mentakwilkan segala lafaz yang menimbulkan kemusykilan (Sifat Khabariyyah), beserta menyerahkan pengertiannya kepada Rabb Yang Maha Agung lagi Maha Tinggi”.

Selain itu, pendapat Ibn Taymiyyah yang mengklasifikasikan *Sifat Khabariyyah* dalam kategori *muhkamat* serta penafian beliau terhadap kewujudan *majaz* dalam al-Quran dan *al-Hadith* juga perlu dinilai semula kerana ia didapati berbeza dengan pendirian keseluruhan *mufasssin* termasuk al-Tabari (234-310 H) dan Ibn Kathir (701-774 H) yang tidak menerima pakai pengertian hakiki *Sifat Khabariyyah* (‘Uways, 1970; Sarsur, 2004; al-Qaradawi, 2005).

Seterusnya, tindakan Ibn Taymiyyah yang berbincang secara panjang lebar berkenaan *Sifat Khabariyyah* sebagaimana yang dinyatakan dalam topik 2.2.1 (i) didapati bercanggah dengan penjelasan *fuqaha' mujtahidin* dan *Ahl al-Hadith* sebelum abad ketiga hijrah. Sufyan bin ‘Uyaynah (107-198 H) contohnya menjelaskan (al-Bayhaqi, t.t: 446):

مَا وَصَفَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى نَفْسَهُ فِي كِتَابِهِ فَقَرَأَتْهُ تَفْسِيرُهُ ، لَيْسَ لِأَحَدٍ أَنْ يُفْسِرَهُ بِالْعَرَبِيَّةِ وَلَا بِالْفَارْسِيَّةِ.

“Apa-apa yang Allah Yang Maha Agung lagi Maha Tinggi sifatkan diriNya di dalam kitabNya (al-Quran), maka membacanya adalah tafsir (bagi)nya. Tiada (hak) bagi seorang pun untuk mentafsirkannya dengan bahasa Arab dan tidak juga dengan bahasa Parsi”.

Penolakan ulama *Salaf* terhadap tindakan berbincang panjang tentang *Sifat Khabariyyah* turut dinyatakan oleh Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani (132-189 H) sebagaimana berikut (Ibn al-Qayyim, 1988; al-Mi'sarawi, 2007: 47):

اتَّفَقَ الْفُقَهَاءُ كُلُّهُمْ مِنَ الْمَشْرِقِ إِلَى الْمَغْرِبِ عَلَى الْإِيمَانِ بِالْقُرْآنِ وَالْأَحَادِيثِ الَّتِي جَاءَ بِهَا النَّبِيُّ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي صِفَةِ الرَّبِّ عَزَّ وَجَلَّ مِنْ غَيْرِ تَفْسِيرٍ وَلَا وَصْفٍ وَلَا تَشْبِيهِ، فَمَنْ

فَسَّرَ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ فَقَدْ خَرَجَ مِمَّا كَانَ عَلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَفَارَقَ الْجَمَاعَةَ، فَإِنَّهُمْ لَمْ يَصِفُوا وَلَمْ يُفَسِّرُوا وَلَكِنْ أَفْتَوْا بِمَا فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ ثُمَّ سَكَتُوا.

“Semua fuqaha’ dari Timur ke Barat telah bersepakat atas beriman dengan al-Quran dan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para perawi yang dipercayai daripada Rasulullah SAW berkenaan Sifat Allah ‘Azza wa Jalla tanpa sebarang tafsiran, tanpa mensifatkannya dan tanpa tashbih. Maka sesiapa sahaja yang mentafsirkan sesuatu pun daripada yang tersebut maka sesungguhnya dia telah keluar daripada apa (manhaj) yang menjadi pegangan Nabi SAW dan dia telah memisahkan dirinya daripada al-Jama ‘ah, kerana mereka tidak pernah mensifatkan dan tidak pernah mentafsirkan (sebarang Sifat Allah pun), tetapi mereka menjawab pertanyaan menurut apa yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah, kemudian mereka berdiam diri”.

Berhubung hadis (إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُورَةِ الرَّحْمَنِ) yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah telah menciptakan Nabi Adam a.s atas rupa al-Rahman*” (al-Bayhaqi, t.t: 410-425) contohnya, Imam Ahmad bin Hanbal (164-241 H) hanya memberi perakuan apabila ia diriwayatkan menurut *matan* (teks) yang asal tanpa sebarang pengubahan. Penolakan Imam Ahmad terhadap tindakan mengubah atau meminda mana-mana perkataan yang terkandung dalam teks hadis di atas telah diriwayatkan oleh al-Qadi Abu al-Husayn Muhammad bin Abi al-Ya’la al-Farra’ (451-526 H) dalam *Tabaqat al-Hanabilah* (t.t: 236) sebagaimana berikut:

قَالَ إِبْرَاهِيمُ بْنُ أَبَانَ الْمُوصِلِيُّ: سَمِعْتُ أَبَا عَبْدِ اللَّهِ وَجَاءَهُ رَجُلٌ، فَقَالَ: إِنِّي سَمِعْتُ أَبَا ثَوْرٍ يَقُولُ: إِنَّ اللَّهَ خَلَقَ آدَمَ عَلَى صُورَةِ نَفْسِهِ. فَأَطْرَقَ طَوِيلًا، ثُمَّ ضَرَبَ بِيَدِهِ عَلَى وَجْهِهِ، ثُمَّ قَالَ: هَذَا كَلَامٌ سَوْءٌ، هَذَا كَلَامٌ جَهْمٌ، هَذَا جَهْمِي، لَا تَقْرُبُوهُ.

“Ibrahim bin Abban al-Musili berkata: Saya telah mendengar (pengajian) Abu ‘Abd Allah (Imam Ahmad bin Hanbal) dan beliau telah didatangi oleh seorang lelaki lalu bertanya: Sesungguhnya saya telah mendengar Abu Thur berkata: “Sesungguhnya Allah telah menciptakan Adan menurut rupa DiriNya”. Maka beliau (Imam Ahmad) menundukkan kepalanya dalam tempoh yang lama, kemudian beliau memukul tangannya pada wajahnya lalu berkata: “Ini adalah ucapan yang jahat (sesat). Ini adalah ucapan Jahm (bin Safwan iaitu pengasas kepada akidah Jahmiyyah). Ini adalah seorang Jahmi, jangan kamu menghampirinya”.

Pelbagai fakta yang dipaparkan di atas menjelaskan bahawa para ulama *Salaf* hanya membacakan *Sifat Khabariyyah* tanpa sebarang tafsiran sama ada dalam bentuk huraian mahupun takwilan dan juga tanpa sebarang penukaran mana-mana lafaz yang terkandung dalam *matan* (teks) hadis yang asal. Keseluruhan paparan di atas membuktikan bahawa pendapat Ibn Taymiyyah yang mengatakan bahawa konsep *tafwid* ulama *Salaf* adalah bertunjangkan kepada *tafwid al-kayfiyyah* adalah menyalahi *athar* dan penjelasan para ulama *Salaf* dan ulama *Khalaf mutaqqaddimin* yang menerima pakai kewujudan *ta’wil ijmali*, menafikan kewujudan *kayfiyyat* bagi *Dhat* dan *Sifat* Allah s.w.t dan juga enggan berbicara panjang tentang *Sifat Khabariyyah*.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa dalam menentukan konsep *tafwid* yang diterima pakai oleh ulama *Salaf* dalam berinteraksi dengan *Sifat Khabariyyah*, perbezaan pendapat yang berlaku antara ulama Asha'irah dan Ibn Taymiyyah adalah tidak dapat dikompromikan kerana kedua belah pihak telah mengemukakan sekurang-kurangnya tiga hujah yang bersifat kontradik.

Kajian ini seterusnya menjelaskan bahawa konsep *tafwid al-ma'na* yang diperjuangkan oleh ulama Asha'irah adalah menepati penjelasan ulama *Salaf* dalam kalangan imam empat mazhab dan *Ahl al-Hadith mutaqaddimin*. Manakala konsep *tafwid al-kayfiyyah* yang diperjuangkan oleh Ibn Taymiyyah pula bukan sahaja bercanggah penjelasan semua ulama *Salaf mutaqaddimin* bahkan turut bercanggah dengan penjelasan Abu Ya'la al-Farra' dalam kalangan ulama Hanabilah yang memperjuangkan manhaj *ithbat* tanpa sebarang *kayfiyyat* (*al-ithbat bi-la kayf*). Justeru itu, manhaj *tafwid al-kayfiyyah* adalah perlu dinilai semula dari pelbagai aspek melalui satu kajian yang lebih spesifik.

Rujukan

- Abid Muhammad Noor (2014), *Aqidah Yang Membawa Ke Syurga*, Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Abu Hanifah, al-Nu'man b. Thabit al-Kufi "*al-Fiqh al-Akbar*" di dalam: Mulla 'Ali al-Qari (2007), *Sharh al-Fiqh al-Akbar*, c. 2, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Ya'la, al-Qadi al-Hanbali (1986), *al-Mu'tamad fi Usul al-Din*, tq. Dr. Wadi' Zaydan Haddad, Bayrut: Dar al-Mashriq.
- Ahmad 'Isa al-Mi'sarawi "*al-Muqaddimah*", dalam: Muhammad b. al-Hasan al-Shaybani (2007), *Kitab al-Athar*, tq. Prof. Dr. Ahmad 'Isa al-Mi'sarawi, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Salam, j. 1, h. 47.
- Ahmad Nazri bin Zainol, "*Tafsiran Ayat-ayat Sifat: Perbandingan Antara Fakhr al-Din al-Razi Dan Ibn Taymiyyah*" disertasi sarjana dari fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, tahun 2010.
- Amal Fathullah Zarkasyi (2014), *Akidah Tauhid Ibn Taymiyyah*, Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Islam Sains Malaysia.
- al-Ansari, al-Shaykh Hammad b. Muhammad (1993), *'Aqidah al-Salaf Pegangan Terakhir Imam al-Ash'ari*, terj. 'Abd Allah al-Qari b. Haji Salih, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- al-'Asri, Sayf b. 'Ali (2022), *al-Qawl al-Tamam bi-Ithbat al-Tafwid Madhhaban li al-Salaf al-Kiram*, c. 4, 'Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- al-Azhari, Ahmad b. 'Abd al-Hadi (1442 H), *al-Radd 'ala Sa'id Fudah fi-ma Iftarah 'ala Allah bi-Risalah Husn al-Muhajjah fi Bayan ann Allah Ta'ala La Dakhil al-'Alam wa La Kharijah*, al-Mansurah: Dar Ibn 'Abbas.
- Azwira Abdul Aziz (2011), *Pegangan Ahli Sunnah Dan Pendustaan Zamihan Terhadap Ulama Mereka*, Kuala Lumpur: Pustaka al-Ikhlas Enterprise.
- al-Badr, 'Abd al-Razzaq b. 'Abd al-Muhsin (t.t), *al-Athar al-Mashhur 'an al-Imam Malik rahimah Allah fi Sifat al-Istiwa' Dirasah Tahliliyyah*, t.tp: t.pt.
- al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir b. Tahir b. Muhammad (2008), *al-Farq Bayn al-Firaq*, ed. al-

- Shaykh Ibrahim Ramadan, c. 4, Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Baqqillani, al-Qadi Abu Bakr b. al-Tayyib (2000), *al-Insaf fi-ma Yajib I'tiqaduh wa La Yajuz al-Jahl bihi*, tq. Muhammad Zahid al-Kawthari, al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- al-Bayhaqi, al-Hafiz Abu Bakr b. al-Husayn b. 'Ali. (1999), *al-I'tiqad wa al-Hidayah ila Sabil al-Rashad*, tq. Abu 'Abd Allah Ahmad b. Ibrahim Abu al-'Aynayn, al-Riyad: Dar al-Fadilah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Bayhaqi, al-Hafiz Abu Bakr b. al-Husayn b. 'Ali. (t.t), *al-Asma' wa al-Sifat*, tq. Fu'ad b. Siraj 'Abd al-Ghaffar, al-Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Bilal, Muhammad Yusuf (2015), *Bida' al-Salafiyyah al-Wahhabiyyah fi Hadm al-Shari'ah al-Islamiyyah*, al-Qahirah: Maktabah Jazirah al-Ward.
- al-Dihlawi, Hakim al-Ummah Imam Waliyy Allah (t.t), *al-'Aqidah al-Hasanah*, t.tp: t.pt.
- Fakr al-Din Muhammad b. 'Umar b. al-Husayn al-Razi (2011), *Ta'sis al-Taqqid*, ed. Anas Muhammad 'Adnan al-Sharqawi wa Ahmad Muhammad Khayr al-Khatib, Damshiq: Dar Nur al-Sabah.
- al-Farra', al-Qadi Abu al-Husayn Muhammad b. Abi Ya'la (t.t), *Tabaqat al-Hanabilah*, tq. Dr. 'Abd al-Rahman b. Sulayman al-'Uthaymin, j. 1, t.tp: t.pt.
- Fudah, Sa'id 'Abd al-Latif (2004), *Naqd al-Risalah al-Tadmuriyyah allati Allafaha Ibn Taymiyyah*, 'Amman: Dar al-Razi.
- al-Ghazali, Muhammad Abu Hamid (1994), *Ihya' 'Ulum al-Din*, c. 3, Bayrut: Dar al-Khayr.
- Hafiz Firdaus Abdullah (2003), *Pembongkaran Jenayah Ilmiah Buku Salafiyah Wahabiyah*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- al-Hakami, Hafiz Ahmad (2017), *Ma'arij al-Qabul bi Sharh Sullam al-Wusul ila 'Ilm al-Usul fi al-Tawhid*, al-Riyad: Dar al-Ifham li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Harras, Muhammad Khalil (2021), *Sharh al-'Aqidah al-Wasitiyyah*, ta'liq Muhammad b. Salih al-'Uthaymin, c. 10, t.tp: al-Durar al-Saniyyah.
- al-Hisni, Taqiy al-Din Abu Bakr (2010), *Daf' Shubah man Shabbaha wa Tamarrada wa Nasab Dhalik ila al-Sayyid al-Jalil al-Imam Ahmad*, tq. Muhammad Zahid b. al-Hasan al-Kawthari, al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- al-Husayni, 'Imad al-Din Jamil Halim (2012), *Lubab al-Nuqul fi Ta'wil Hadith al-Nuzul*, c. 2, Bayrut: Sharikah Dar al-Mashari'.
- al-Husayni, Ibrahim Salih (2005), *Dala'il al-Tanzih fi Ibtal Bida' al-Ta'til wa al-Tajsim wa al-Tashbih*, Nigeria: Hay'ah al-Buhuth al-'Ilmiyyah Hay'ah Kibar al-'Ulama'
- Ibn 'Asakir, Abu al-Qasim 'Ali b. al-Hasan b. Hibat Allah (2017), *Tabyin Kadhib al-Muftari fi-ma Nusiba ila al-Imam Abi al-Hasan al-Ash'ari*, tlq. Muhammad Zahid al-Kawthari, al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Ibn al-'Arabi, al-Qadi Abu Bakr Muhammad b. 'Abd Allah (1990), *Qanun al-Ta'wil*, tq. Muhammad al-Sulaymani, c. 2, Bayrut: Dar al-Gharb al-Islami.
- Ibn al-Jawzi, Abu al-Faraj 'Abd al-Rahman b. 'Ali b. Muhammad (2013), *Majalis Ibn al-Jawzi fi al-Mutashabih min al-Ayat al-Qur'aniyyah*, tq. al-Shaykh Basim Mikdash, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Labban, Muhammad b. Ahmad b. 'Abd al-Mu'min al-Is'irdi al-Shafi'i (2020), *Izalat al-Shubhat 'an al-Ayat wa al-Ahadith al-Mutashabihat*, ed. Anas Muhammad 'Adnan al-Sharfawi, Damshiq: Dar al-Taqla.

- Ibn al-Qayyim, Abu ‘Abd Allah Muhammad Abi Bakr (2004), *Mukhtasar al-Sawa’iq al-Mursalah ‘ala al-Jahmiyyah wa al-Mu’attilah*, tq. al-Ustadh Sayyid ‘Imran, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn al-Qayyim, Abu ‘Abd Allah Muhammad Abi Bakr. (1988), *Ijtima’ al-Juyush al-Islamiyyah ‘ala Ghazw al-Mu’attilah wa al-Jahmiyyah*, tq. Dr. ‘Awad ‘Abd Allah al-Mu’tiq, al-Riyad: Matba’ah al-Farazdaq al-Tijariyyah.
- Ibn Jama’ah, Badr al-Din Muhammad b. Ibrahim b. Sa’d Allah (2005), *Idah al-Dalil fi Qat’i Hujaj Ahl al-Ta’til*, tq. Wahbi Sulayman Ghawiji al-Albani, Damshiq: Dar Iqra’.
- Ibn Kathir, al-Hafiz ‘Imad al-Din Isma’il (2017), *Kitab al-’Aqa’id*, tq. Dr. Diya’ Muhammad al-Mashhadani, ‘Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi. (1986), *Ithbat Sifat al-’Uluww*, tq. Badr b. ‘Abd Allah Badr, al-Kuwayt: al-Dar al-Salafiyyah.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi. (1990), *Tahrim al-Nazar fi Kutub al-Kalam*, tq. ‘Abd al-Rahman b. Muhammad Sa’id Dimashqiyyah, al-Riyad: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi. (2002), *Dhamm al-Ta’wil*, ta’liq Muhammad b. Hamid b. ‘Abd al-Wahhab, al-Iskandariyyah: Dar al-Basirah.
- Ibn Qudamah al-Maqdisi. (2004), *Matn Lum’ah al-I’tiqad al-Hadi ila Sabil al-Rashad*, al-Mansurah: Dar Ibn Rajab.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (2021), *al-Mas’alah al-Hamawiyyah fi al-Istiwa’ wa al-Sifat al-Khabariyyah*, tq. Dr. Daghigh b. Shubayb al-’Ajami, Kuwayt: Dar al-Khizanah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (t.t), *al-Iklil fi al-Mutashabih wa al-Ta’wil*, ed. Muhammad al-Shaymi Shahatah, Iskandariyyah: Dar al-Iman.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (1391 H), *al-Risalah al-Tadmuriyyah (Mujmal I’tiqad Ahl al-Sunnah)*, c. 2, Bayrut: al-Maktab al-Islami li al-Tiba’ah wa al-Nashr.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (1993 H), *Sharh Hadith al-Nuzul*, tq. Muhammad ‘Abd al-Rahman al-Khumays, al-Riyad: Dar al-’Asimah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (1999), *al-Tis’iniyyah*, tq. Dr. Muhammad b. Ibrahim al-’Ajlan, al-Riyad: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzi’.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (2000), *Majmu’ah al-Rasa’il wa al-Masa’il*, ed. Muhammad Rashid Rida, Bayrut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (2001), *Sharh al-’Aqidah al-Asfahaniyyah*, tq. Sa’id b. Nasr b. Muhammad, al-Riyad: Maktab al-Rushd.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. (2006), *Majmu’ah al-Fatawa*, tq. Farid ‘Abd al-’Aziz al-Jundi wa Ashraf Jalal al-Sharqawi, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- Ibn Taymiyyah, Taqiy al-Din Ahmad b. ‘Abd al-Halim b. ‘Abd al-Salam. 2021. “Matn al-’Aqidah al-Wasitiyyah” di dalam: Harras, Muhammad Khalil, Sharh al-’Aqidah al-Wasitiyyah, ta’liq Muhammad b. Salih al-’Uthaymin, c. 10, t.tp: al-Durar al-Saniyyah.

- al-'Isa, Muhammad Khayr Muhammad Salim (t.t), *Ayat al-Sifat 'Ind al-Salaf Bayn al-Ta'wil wa al-Tafwid min Khilal Tafsir al-Imam al-Tabari*, T.tp: Dar al-Kitab al-Thaqafi.
- Ismail b. Omar (2013), *Manhaj Ahli As-Sunnah Wal Jamaah*, c. 2, Kajang: Nadhiedar Sdn Bhd.
- Ismail b. Omar (2017), *Manhaj Aqidah Ahli Assunnah Wal Jamaah*, c. 3, Shah Alam: Ultimate Print Sdn Bhd.
- Ismail Lutfi al-Fatoni (2007), *Hakikat Ahli Sunnah Wal Jama'ah Dan Peranan Ulama'nya*, Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.
- Kamil, 'Umar 'Abd Allah (t.t), *Naqd Qawa'id al-Tashbih min Aqwal al-Salaf mimman Qalu bi al-Imrar wa al-Tafwid wa al-Tanzih*, t.tp: Dar al-Mustafa.
- al-Khallal, Abu Bakr Ahmad b. Muhammad Harun (2018), *Kitab al-Sunnah*, tq. Abu 'Abd Allah 'Adil b. 'Abd Allah Alu Hamdan, c. 3, Jaddah: Dar al-Awraq al-Thaqafiyyah.
- al-Lalaka'i, al-Hafiz Abu al-Qasim Hibat Allah b. al-Hasan (2004), *Sharh Usul I'tiqad Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah min al-Kitab wa al-Sunnah wa Ijma' al-Sahabah wa al-Tabi'in wa man ba'dahum*, tq. al-Ustadh Sayyid 'Imran, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Mahmud, Dr. 'Abd al-Rahman b. Salih (1995), *Mawqif Ibn Taymiyyah min al-Asha'irah*, al-Riyad: Maktabah al-Rushd.
- al-Mi'sarawi, Ahmad 'Isa "al-Ta'rif bi al-Imam Muhammad ibn al-Hasan" dalam: Muhammad b. al-Hasan al-Shaybani (2007), *Kitab al-Athar*, tq. Prof. Dr. Ahmad 'Isa al-Mi'sarawi, c. 2, al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Muhammad bin 'Abd al-Wahhab "Aqidah al-Imam Muhammad bin 'Abd al-Wahhab" dalam: Nukhbah min al-'Ulama' (2013: 585-590), *al-Dalil al-Rashid ila Mutun al-'Aqidah wa al-Tawhid*, al-Qahirah: Dar al-Istiqamah.
- Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi (1996), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, c. 6, Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad Nasron bin Yaacob, "Manhaj Akidah Hasan al-Banna Tentang Persoalan Ilahiyyat Dalam Risalah al-'Aqa'id" tesis Ph.D dari Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, tahun 2014.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, "Takwilan Nas-nas Mutashabihat Dalam Kalangan Salaf" artikel ilmiah terbitan Global Journal al-Thaqafah (GJAT), Disember 2012.
- al-Mut'ini, Dr. 'Abd al-'Azim Ibrahim Muhammad (1995), *al-Majaz 'Ind al-Imam Ibn Taymiyyah wa Talamidhih Bayn al-Inkar wa al-Iqrar*, T.tp: Maktabah Wahbah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya b. Sharaf. (1997), *al-Minhaj Sharh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj*, tq. al-Shaykh Khalil Ma'mun Shiha, Bayrut: Daral-Ma'rifah.
- al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya b. Sharaf. (2011), *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*, tq. al-Shaykh 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud et al., Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Raqab, Salih Husayn (2021), *Manhaj al-Mutakallimin fi Ithbat Wujud Allah Ta'ala wa Tawhidih wa Wahdaniyyatih – 'Ard wa Naqd*, T.tp: Dar Faris.
- al-Raqab, Salih Husayn (2021), *Manhaj al-Salaf fi Ithbat Wujud Allah Ta'ala wa Tawhidih wa Wahdaniyyatih – Dirasah wa 'Ard*, T.tp: Dar Faris.
- Rishwan Abu Zayd Mahmud (2021), *Qawl al-Salaf fi al-Sifat al-Khabariyyah wa al-Tafriqah Bayn Madhhab Ahl al-Sunnah wa Madhhabay al-Jahmiyyah wa al-Mujassimah* oleh, c. 2, al-Qahirah: Dar Usul al-Din.

- Salim, ‘Amr ‘Abd al-Mun’im (2008), *al-Manhaj al-Salafi ‘Ind al-Shaykh Muhammad Nasir al-Din al-Albani*, c. 2, al-Mansurah: Dar al-Diya’.
- Sarsur, Dr. Husam b. Hasan (2004), *Ayat al-Sifat wa Manhaj Ibn Jarir al-Tabari fi Tafsir Ma’aniha Muqaranan bi-Ara’ Ghayrih min al-’Ulama’*, Bayrut: Dar al-Kutub al-’Ilmiyyah.
- al-Shahrastani, Abu al-Fath Muhammad b. ‘Abd al-Karim (1994), *al-Milal wa al-Nihal*, tlq. Abu ‘Abd Allah al-Sa’id al-Manduh, Bayrut: Mu’assasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- al-Subki, Mahmud Muhammad Khattab (1974), *Ithaf al-Ka’inat bi-Bayan Madhhab al-Salaf wa al-Khalaf fi al-Mutashabihat wa Radd Shubah al-Mulhidah wa al-Mujassimah wa-ma Ya’taqidunahu min al-Muftarayat*, c. 2, t.tp: t.pt.
- al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman (2006), *al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*, tq. Ahmad b. ‘Ali, al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-’Utaybi, Dr. Sa’d b. Bajad b. Muslih (2020), *‘Aqidah al-Imam al-Bukhari*, al-Riyad: Dar al-Muhaddith.
- al-’Uthaymin, Muhammad b. Salih (2012), *Sharh al-’Aqidah al-Wasitiyyah*, tq. Abu ‘Abd al-Rahman Tal’at bin Ahmad Alu ‘Arafah, al-Qahirah: Maktabah Misr.
- al-Zarkashi, Muhammad b. ‘Abd Allah (1994), *al-Burhan fi ‘Ulum al-Qur’an*, tq. Yusuf ‘Abd al-Rahman al-Mar’ashli et al., c. 2, Bayrut: Dar al-Ma’rifah.
- al-Zarqani, Muhammad ‘Abd al-’Azim (1998), *Manahil al-’Irfan fi ‘Ulum al-Qur’an*, Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-’Arabi.